



Muzakarah

Sultan Nazrin Muizzuddin Shah

KERTAS KERJA

BALDATUN TAYYIBATUN WA RABB GHAFUR
UMAT DAN KESULTANAN MELAYU

Disediakan Oleh:

PROF. MADYA DR. MAT ROFA BIN ISMAIL

Tarikh:

24 JANUARI 2016 (AHAD)

Tempat:

**AMANJAYA CONVENTION CENTRE
CASUARINA@MERU, BANDAR MERU RAYA
IPOH, PERAK.**

BALDATUN TAYYIBATUN WA RABB GHAFUR UMAT DAN KESULTANAN MELAYU

Mat Rofa Ismail
Universiti Putra Malaysia


PENDAHULUAN

Sekumpulan penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM) yang melakukan kajian berhubung asal usul bangsa Melayu melalui kaedah genetik menunjukkan Melayu Kelantan kemungkinan besar orang Melayu paling asal menetap di Semenanjung sejak lebih 60,000 tahun. Kumpulan penyelidik diketuai Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah), Pusat Pengajian Sains Kesihatan USM, Prof Madya Dr Zafarina Zainuddin yang mendapat geran RM1.4 juta daripada Kementerian Pengajian Tinggi, melakukan kajian terhadap 10 sub-etnik Melayu di Semenanjung Malaysia bagi mengetahui asal usul Melayu. Sub-etnik berkenaan adalah Melayu Jawa di Johor dan Selangor, Melayu Aceh (Perak), Melayu Minang (Negeri Sembilan), Melayu Banjar (Selangor dan Johor), Melayu Bugis (Selangor dan Johor), Melayu Rawa (Perak), Melayu Champa (Perak, Kedah dan Kelantan), Patani (Kelantan), Melayu Kelantan dan Kedah Langkasuka.

Melayu Kelantan 60,000 tahun

Kajian USM dapati sub-etnik penduduk paling asal di Semenanjung

Oleh Anuar Rusli
www.kitaonline.com.my



KITA BHARU: Sebahagian penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM) yang melakukan kajian berhubung asal usul bangsa Melayu membuat kaedah genetik menunjukkan Melayu Kelantan kemungkinan besar orang Melayu paling asal menetap di Semenanjung sejak lebih 60,000 tahun.

Kumpulan penyelidik diketuai Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Soswazah), Pusat Pengajian Sains Kesihatan USM, Prof Madya Dr Zafarina Zainuddin yang mendapat geran RM1.4 juta daripada Kementerian Pengajian Tinggi, melakukan kajian terhadap 10 sub-etnik Melayu di Semenanjung Malaysia bagi mengetahui asal usul Melayu.

"Kajian ini sangat pertama di dunia berdasarkan genetik bagi mengenali asal usul Melayu. Kami memilih subjek setiap sub- etnik ini dengan mengambil kira kira belakang mereka untuk mencari kurangnya tiga kriteria,"

"Itu merangkumi hasil perkahwinan campur,

perkawinan campur mereka tidak akan diambil sebagai subjek dalam kajian ini. Setiap 30 sampel daripada subjek dari setiap 10 etnik berkenaan.

DNA mitokondria diekstrak daripada darah dan seterusnya melalui proses penjujukan bagi mendapatkan profil setiap subjek." Katanya ketika ditemui Berita Harian di pejabatnya di sini.

"Kajian Asal Usul Bangsa Melayu Melalui Kaedah Morfologi, sosio-budaya dan Genetik" itu terbahagi kepada tujuh projek membutkan lebih 20 penyelidik sejak 2007.

Guru juara mewarai skim geran penyelidikan fundamental dan hasil kajian akan didekaikan ke pada suatu masa depan kira-kira bertahun dalam jurnal saintifik.

Dr Zafarina berkata dia anda berharap kerjasama antara

bersekutu ini bagi Melayu Kelantan mempunyai haplogroup (kumpulan DNA mitokondria yang spesifik kepada kawasan geografi yang sangat sukar).

"Ia seharusnya berada pada Orang Asli (Semang) dan bagi kumpulan ini adalah diambil pasti sebagai haplogroup yang sangatlah berdaikan kaedah 'molecular clock', katanya."

Berdan berikut, perkara ini mungkin berlaku kerana sebahagian Melayu Kelantan dari agak awal dahulu pernah pasang hubungan sah sanggup dengan penduduk kerajaan persekutuan campur.

Berdasarkan kajian juga, kita dapat genetik Melayu Kelantan mempunyai latar belakang kait dengan genetik Melayu Jawa. Ioi mungkin berjayakan segera berjaya Melayu pernah bertemu di kebun-sabut bukit dekat "kota

Keratan akbar tentang kajian DNA bagi penduduk Kelantan



"Jika mereka mempunyai latar belakang perkahwinan campur, mereka tidak akan diambil sebagai subjek dalam kajian ini. Sebanyak 300 sampel darah diambil daripada 10 etnik berkenaan.

"DNA mitokondria diekstrak daripada darah dan seterusnya melalui proses penjujukan bagi mendapatkan profil setiap subjek," katanya ketika ditemui Berita Harian di pejabatnya, di sini. 'Kajian Asal Usul Bangsa Melayu Melalui Kaedah Morfologi, sosio-budaya dan Genetik' itu terbahagi kepada tujuh projek membabitkan lebih 20 penyelidik sejak 2007.

Geran itu menerusi skim geran penyelidikan fundamental dan hasil kajian akan didedahkan kepada umum selepas kajian diterbitkan dalam jurnal saintifik. Dr Zafarina berkata, daripada kajian terhadap 10 kumpulan sub-etnik itu, hanya Melayu Kelantan mempunyai haplogroup (kumpulan DNA mitokondria yang spesifik kepada kaum dan geografi) yang sangat unik.

Sejauh manakah ketepatan kajian ini, maka kajian lanjutan harus dilakukan secara menyeluruh dan terperinci dengan pungutan data statistik yang lebih luas. Migrasi penduduk Kelantan dari Langkasuka, Sriwijaya, Campa, Funan, Khmer dan sekitarnya yang berlaku sepanjang sejarah silam harus diambil kira.

Penulis sejarah Islam seperti Ibnu Athir, menghubungkan seluruh penduduk dunia dengan keluarga Nuh AS. Semua manusia pupus selepas peristiwa banjir semasa zaman Nabi Nuh AS kecuali tiga orang anaknya: Sam, Ham dan Yafith. Orang timur dipercayai berasal daripada Yafith. Mereka ada keluarga yang tua, yang menjadi saudara kepada seluruh bangsa lain di dunia.



Kelantan turut dikenali dengan pelbagai nama oleh pelayar asing. Catatan China pernah menamakan penempatan dengan nama Chih Tu dan Pan Pan atau Tan Tan. Para pengkaji berpendapat penempatan tersebut merujuk kawasan timur Semenanjung Melayu di sekitar Kelantan atau Terengganu.

Ini menunjukkan Kelantan melakar sejarah yang lama dalam peradaban manusia.

KETURUNAN RAJA PATANI

Kerajaan Patani dan Kelantan ada pertemuan dengan sejarah Sriwijaya silam. Kerajaan Sriwijaya muncul selepas kejatuhan kerajaan Langkasuka yang mengembangkan pengaruh Hindu. Hindu bukan berasal daripada India tetapi dibawa oleh orang Aryan ke India semasa tamadun silam mereka. Agama yang lahir di India ialah agama Budha. Namun Budha tidak berkembang di India tetapi berkembang di Sri Lanka dan Alam Melayu. Kerajaan di kepulauan Melayu dikenali sebagai kerajaan India Timur. Dalam catatan penulis Islam, apabila istilah al-Hind al-Syarqiyah (India Timur) yang dimaksudkan ialah Alam Melayu.



Kerajaan Sriwijaya disebut juga sebagai Seri Bijaya dalam Tarikh Patani yang ditulis oleh Faqih Ali. Dalam tarikh tersebut, Raja Seri Bijaya diriyati sebagai raja yang terkenal dalam sejarah kesultanan Patani. Menerusi perkahwinan, kerajaan Patani menjadi bertambah luas. Menurut kitab ini, Raja Seri Bijaya telah meminang puteri raja negeri Jaya tetapi peminangannya ditolak, lalu baginda membina sebuah istana sebagai hadiah. Hadiah itu berjaya melembutkan hati baginda lalu baginda pun bersetuju menjodohkan puterinya itu dengan Raja Seri Bijaya. Akan tetapi, mereka tidak dibenarkan tinggal di Patani. Seri Bijaya akhirnya berpindah ke kota yang baru dibinanya di Jaya. Permaisuri Seri Bijaya melahirkan seorang putera yang digelar Raja Mahabangsa, mengambil sempena nama raja yang ditewaskan ayahandanya dahulu. Apabila besar, putera itu pula ditabalkan menjadi raja Patani. Keturunan raja Patani adalah zuriat daripada Raja Mahabangsa, iaitu anakanda Raja Seri Bijaya itu.

Raja Mahabangsa kemudiannya berkahwin dengan puteri raja negeri Senggora. Perkahwinan ini diraikan secara besar-besaran dengan segala adat istiadat perkahwinan diraja. Para jemputan datang dari segenap pelusuk ceruk dan rantau kecuali negara yang bermusuhan dengan Patani seperti Khmer. Majlis perkahwinan tersebut digambarkan seperti yang berikut :

"Syahadan bahawa berkahwin anak Raja Seri Bijaya dengan anak raja Senggora. Adat jamuan pun besar. Tujuh hari tujuh malam. Padahnya sampai ke negeri China dan Hindi dan Balimba (Palembang). Adapun negeri Khmer bermusuhan, tidak kena jemputlah. Dan permainan suka ria riu. Dan ramailah rakyat jelata dalam negeri. Dan kemudian daripada itu maka anak Raja Seri Bijaya pun masyur rata-rata. Dan namanya bergelar Raja Mahabangsa juga, sebab zaman dahulu negeri itu negeri Raja Mahabangsa. Banyak gajah-gajah datang bawa barang-barang hadiah munasabahnya kahwin itu."

Seorang daripada puteri raja Patani dikahwinkan dengan anak raja kerajaan Jawa. Perkahwinan ini merapatkan hubungan Patani dengan Jawa, lebih-lebih lagi apabila mengetahui Seri Bijaya sendiri pun berasal dari Palembang. Perkahwinan ini berlaku kerana sikap mengalah Patani agar Jawa tidak menyerang negeri itu. Diceritakan bahawa di

Sanggora terdapat seorang puteri lain yang sangat cantik yang menjadi rebutan antara Seri Bijaya itu dengan putera raja Legor. Seri Bijaya sedar bahawa andainya berlaku sebarang kekecuan antara baginda dengan Legor, bala serangan Khmer akan menyerang kerajaannya, lalu akhirnya putera Legor dikahwinkan dengan puteri Senggora. Apabila mendengar khabar tersebut, Raja Jawa sangat sangat marah pada Seri Bijaya. Untuk meredakan kemarahan tersebut, Seri Bijaya mengutuskan puteri Patani untuk dikahwinkan dengan raja Jawa. Peristiwa ini dicatatkan seperti yang berikut:

“Syahadan adalah kisah hijayat bermusuh raja Legor dan raja Senggora. Maka adalah raja Legor ada seorang putera dan raja Senggora ada seorang puteri. Sangat cantik rupawan tuan puteri itu. Raja Seri Bijaya hendak berkahwin dengan anak Raja Mulul Jawa. Maka raja Legor pun marah kerana puteranya tidak-tidak, siang dan malam termimpi-mimpi hingga tiada makan dan minum. Maka pada suatu hari, masuklah ia dengan askar-askar kepada dalam Senggora itu. Maka bermusuhalah. Dan mengadulah kepada negeri Patani. Kerana negeri Patani tempat kita bicara. Dan Seri Bijaya fikir bahawa negeri lemah dan akan pukul oleh Khmer dengan mudah. Maka laulah kahwin tuan puteri Senggora dengan tuan putera raja Legor. Dan negeri pun aman. Tatkala tuan puteri masuk kepada Senggora itu, raja Senggora hantarlah tuan puteri ke negeri Patani. Dan raja negeri Patani pun berlayarlah membawa tuan puteri Senggora itu kembali kepada tuan putera anak raja Legor. Maka telah tahu hal ini kepada anak raja MulJawa. Maka marahlah pula kepada Patani. Tetapi raja Patani pun hantar tuan puteri Patani kepadanya supaya berkahwin. Kemudian daripada itu aman negeri sekaliannya. Adapun tuan puteri Patani itu waris dengan anak raja Mulul Jawa sebab Raja Seri Bijaya asalnya daripada Mul Jawa.”

Kerajaan Sriwijaya yang berketurunan Mahabangsa (Mahawangsa?) memerintah Tanah Jawa selama lebih kurang 500 tahun. Kerajaan ini sangat kuat kerana bala tenteranya cukup terlatih serta mempunyai ketangkasan berpanah dan bertikam dengan lembing. Kerajaan Sulandra pun mempunyai angkatan askar yang besar. Kedua-dua kerajaan ini sering berperang kerana merebut takhta. Permusuhan yang berlanjutan tidak menguntungkan manapun pihak, lalu akhirnya mereka membuat gencatan senjata dan bergabung pula untuk menaklukkan kawasan di sekitarnya termasuk kerajaan Patani. Patani jatuh ke tangan tentera bersyarikat itu. Peristiwa tersebut dicatatkan seperti yang berikut:

“Dan negeri Patani pun jatuhlah di bawah kerajaan kedua-duanya. Syahadan manakala telah berhenti perang dan musuhnya kerajaan Sriwijaya, Sulandra pun buat pusat pemerintahan dan membina kota di Patani supaya menjaga kesejahteraan di dalam negeri-negeri Melayu sebelah timur. Dan negeri Legor pun kurang peduli oleh kerajaan Sulandra. Maka tatkala inilah negeri Patani kembali pula masyhur kepada rata-rata alam.”

Kerajaan Patani di bawah pengaruh kerajaan Sriwijaya dan Sulandra menjadi bertambah makmur dan seterusnya Berjaya mengembangkan pengaruhnya ke negeri Melayu yang lain di Semenanjung Melayu. Raja Sriwijaya kemudiannya berkahwin dengan anak raja Langkasuka. Perkahwinan tersebut dikurniakan seorang putera yang bernama Bangsa dan seorang puteri. Bangsa kemudiannya ditabalkan sebagai raja Langkasuka ketika berusia 28 tahun manakala puteri itu pula ditabalkan sebagai raja Kedah, sebuah negeri di bawah jajahan

Langkasuka. Raja Bangsa mempunyai dua orang puteri dan dua orang putera yang bernama Antira Bangsa dan Cantera Bangsa. Cantera Bangsa memerintah kerajaan Legor manakala Antira Bangsa mewarisi takhta Langkasuka. Setelah itu, nama Langkasuka ditukarkan kepada negeri Jaya bersempena dengan nama kerajaan Sriwijaya. Sriwijaya telah muncul sebagai sebuah kerajaan yang besar yang menguasai negeri-negeri Melayu. Peristiwa ini, seperti yang tercatat dalam *Tarikh Fatani*, berlaku sekitar tahun 750 Masihi.

Seterusnya, mengikut teks sejarah ini, putera Antira Bangsa ditabalkan pula sebagai raja untuk memerintah kerajaan Patani pada tahun 800 Masihi. Baginda terlibat dengan perperangan untuk merebut tanah jajahan. Nama sebenar putera Antira Bangsa itu ialah Antitara Bangsa yang kemudiannya mewarisi kerajaan Patani. Kerajaan induk Sriwijaya terus meluaskan jajahan takluknya hingga ke Khmer. Nama lain bagi Khmer ialah Negeri Cempaka Pura atau Campa. Sebelum kerajaan Cempaka Pura jatuh kepada kerajaan Sriwijaya, kerajaan itu pernah diserang oleh raja Jaya. Sriwijaya menolong kerajaan Jaya untuk mengalahkan raja Khmer. Peristiwa ini dicatatkan dalam ayat yang di bawah ini :

“Syahadan maka adalah anak putera Antira Bangsa pula tabal menjadi raja di Patani di dalam awal-awal kurun Masihi delapan ratus lepas Masihi. Di waktu baginda memerintah negeri ini adalah timbul perperangan merebut kawasan takluk. Syahadan maka adalah raja Jaya dengan raja Khmer itu berperang tetapi kalah raja Khmer. Maka Raja Sriwijaya yang besar itu pun sampai takluknya hingga negeri Khmer. Dan negeri Khmer itu orang-orang Melayu memanggilnya nama negeri Cempaka Pura. Dan puteri anak raja Cempaka Pura pun berkahwin dengan Raja Jaya. Waktu itu adalah agamanya Buddha menyembah berhala. Syahadan makan anak putera Raja Antira Bangsa itu bernama Antitara Bangsa memerintah negeri Patani. Dan baginda hantar tentera askar menolong raja Jaya. Dan kerana itu raja Khmer kalah kepada raja Jaya.”

Dalam perkembangan lanjutnya, adalah dipercayai, Ibu kota pemerintahan Kerajaan Sriwijaya di Kelantan terletak di Kuala Krai. Kelantan dalam pandangan geografi hari ini berbeza dengan pandangan geografi pada zaman lampau. Dahulu, Kelantan adalah sebuah kerajaan yang kuasanya luas melebar, sedang namanya termashur di pertengahan abad ke-12 (tahun 1150 M). Ketika pemerintahan tersebut perpusat di Kuala Krai, pelayar Tunisia yang terkenal Ibnu Batutah mengunjunginya ketika seorang raja perempuan yang memerintahnya.

SYED JAMALUDIN AL-KUBRA

Saiyid Hussein Jamadil Kubra dari keturunan Saiyid al-Alawiyah (bertemu hingga kepada Saiyidina Hussein cucu Rasulullah s.a.w.) anak dari bekas seorang gabenor kepada Sultan Muhammad Tugluq (Kesultanan Delhi) yang kemudian berkuasa di wilayah Deccan (India Selatan); telah sampai di Kelantan kira-kira pada tahun 1349 Masihi besama adiknya Saiyid Thana'uddin atau Syekh Saman (anak murid kepada Ibnu Hajar). Sudah menjadi takdair bahawa keturunan Rasulallah dizalimi, ditindas, dibunuhi dan merantau meninggalkan Kota

Mekah untuk menyelamatkan diri masing-masing.

Perkahwinan Sayid Hussein Jamadil Kubra dengan Ramawati puteri kepada Raja Champa, Sultan Zainol Abidin (Ce Bo Nga) dan Permaisuri Siti Zubaidah pula melahirkan generasi yang tersenarai di dalam kumpulan Wali Songo dari titisan anak mereka, Ibrahim Asmaro.



Persatuan Peminat Sejarah Kelantan dalam blog mereka menceritakan tentang hubungan Syed Husein Jamadil Kubra dengan raja Melayu, seperti dalam ungkapan yang berikut:¹

"Sayid Hussein Jamadil Kubra dari keturunan Sayid al-Alawiyah (bertemu hingga kepada Sayyidina Hussein cucu Rasulullah SAW) anak dari bekas seorang gabenor kepada Sultan Muhammad Tugluq (Kesultanan Delhi) yang kemudian berkuasa di wilayah Deccan (India Selatan); telah sampai di Kelantan kira-kira pada tahun 1349 Masihi bersama adiknya Sayid Thana'uddin atau Syeikh Saman (anak murid kepada Ibnu Hajar). Sudah menjadi takdir bahawa keturunan Rasulullah dizalimi, ditindas, dibunuh dan merantau meninggalkan Kota Mekah untuk menyelamatkan diri masing-masing.

"Anak sulong beliau, Maulana Malik Ibrahim (Sunan Gresik) merupakan pelopor dan ketua Wali Songo. Maulana Malik Ibrahim merupakan anak Sayid Husein hasil perkahwinan dengan Puteri Linang Cahaya (adik kepada Cik Wan Kembang). Wali Songo adalah anak buah (anak saudara) Cik Wan Kembang yang tersohor di Kelantan itu.

"Salah seorang anak beliau, dihantar untuk berdakwah ke Borneo dan diangkat menjadi Sultan di Brunei bergelar Sultan Barkat yang merupakan nenek moyang raja-raja Brunei sekarang..

1. Lihat www.sejarahkelantan.com/ capaian 14 Feb 2013. Hikayat lisan pula menyatakan bahawa Kerajaan Cermin dimusnahkan dengan hamparan gunung kerana kezaliman penduduknya yang menzalimi binatang. Bukit Panau yang berbentuk unik dan berada di dataran luas yang rata itu dikaitkan dengan kisah yang bersifat hikayat itu.

Shaikh Thanauddin (Adi Putra) menetap di Bukit Panau (Tanah Merah, Kelantan) sebagai tempat pertapaannya. Di sinilah Laksamana Hang Tuah datang untuk berguru semasa usia awal remaja sekitar tahun 1400. Pada zaman dahulu kala, Bukit Panau merupakan *landmark* bagi pelaut antarabangsa kerana bentuknya yang unik seperti piramid itu dapat dilihat dari laut ketika berada di perairan Laut China Selatan. Pada zaman dahulu Bukit Panau dijangkakan terletak tidak jauh daripada muara sungai Kelantan, yang terbuka luas ke Laut China Selatan. Ketika itu Bukit Panau terletak dalam Kerajaan Cermin yang terkenal dalam sejarah Kelantan Purba.

Adapun dalam versi ini, Adi Putera atau Syeikh Thana'uddin, adik kepada Sayyid Hussien Jamadil Qubra telah menetap di Bukit Panau sebagai tempat pertapaan. Di sinilah Laksamana Hang Tuah dan sahabat-sahabatnya datang berguru dengan Adi Putera iaitu nama gelaran kepada Syeikh Thana'uddin. Jarak Kota Melaka dengan Bukit Panau adalah sejauh 7 hari 7 malam pelayaran pada tahun 1400 Masihi. Sayyid Hussein Jamadil Qubra adalah ketua Wali 7 yang berlayar dengan kapal dari Mekah bersama adiknya Syeikh Thana'uddin lalu singgah sebelah Bukit Panau sekitar tahun 1349 Masihi selepas membina Masjid Kampung Laut iaitu masjid tertua di Malaysia yang struktur binaannya adalah tanpa paku. Model masjid yang sama dibina pula kemudiannya apabila rombongan ini tiba di Demak Jawa. Keluarga Hussein Jamadil Qubra inilah yang kemudiannya dikenali sebagai Wali Sembilan di bumi Jawa yang terkenal dengan misi dakwah Islamiyyah kurun berkenaan.

Dalam hubungan ini, catatan yang sama juga menyatakan bahawa Sayyid Hussein Jamadil Kubra dari keturunan Sayid al-Alawiyah (bertemu hingga kepada Sayyidina Hussein cucu Rasulullah s.a.w.) anak dari bekas seorang gabenor kepada Sultan Muhammad Tugluq (Kesultanan Delhi) yang kemudian berkuasa di wilayah Deccan (India Selatan); telah sampai di Kelantan kira-kira pada tahun 1349 Masihi bersama adiknya Sayid Thana'uddin atau Syeikh Saman (anak murid kepada Ibnu Hajar). Sudah menjadi takdir bahawa keturunan Rasulullah dizalimi, ditindas, dibunuh dan merantau meninggalkan Kota Mekah untuk menyelamatkan diri masing-masing. Anak sulong beliau, Maulana Malik Ibrahim (Sunan Gresik) merupakan pelopor dan ketua Wali Songo. Maulana Malik Ibrahim merupakan anak Sayid Husein hasil perkahwinan dengan Puteri Linang Cahaya (adik kepada Cik Wan Kembang). Wali Songo adalah anak buah (anak saudara) Cik Wan Kembang yang tersohor di Kelantan itu. Salah seorang anak beliau, dihantar untuk berdakwah ke Borneo dan diangkat menjadi Sultan di Brunei bergelar Sultan Barkat yang merupakan nenek moyang raja-raja Brunei sekarang.

Menerusi keluarga Alawiyah, kerajaan Campa dihubungkan pula dengan Kelantan, Patani, Jawa, Brunei, Ternate, Maluku, Mampawah dan serantau. Pengkalan Cepa merupakan penempatan orang Campa yang melarikan diri akibat serangan Viet.

Kerajaan agung Campa yang menjadi tapak pemerintahan Melayu berakhir apabila kerajaan tersebut dikalahkan oleh bangsa Viet. Orang Melayu Campa berundur ke Patani, Kelantan, Jawa, Palembang, Aceh dan Turki.

Suatu hal yang menarik tentang susur galur masyarakat Aceh yang mempunyai kaitan dengan nenek moyang mereka dari Campa dan Patani. Campa merupakan tapak penempatan

bangsa Melayu yang awal. Bandar Inderapura yang terkenal dalam kisah Puteri Zubaidah terletak di Campa yang kini termasuk dalam kawasan Vietnam. Selain Inderapura penempatan seperti Amaravati, Vijaya dan Kanthara merupakan sebahagian daripada tamadun Melayu Campa. Adalah menarik untuk diperhatikan kalimah *Kanthara* yang menjadi bandar penting Melayu Campa yang sekarang menjadi wilayah Vietnam. Nama bandar itu menyerupai nama Qantura, yang dikatakan isteri Nabi Ibrahim a.s. melahirkan bangsa Melayu. Ada riwayat yang menyatakan Qantura berasal dari “timur” dan anak Qantura diminta merantau kembali ke timur menerusi jalan darat dan laut.

Kerajaan Funan yang terkenal dalam sejarah silam Nusantara dikaitkan dengan tamadun yang dibina di kawasan masyarakat Campa kuno. Apabila bangsa Campa dikalahkan dalam beberapa siri perperangan oleh bangsa Viet, maka Melayu Campa lari bertempiaran ke seluruh pelusuk Nusantara termasuk Patani, Kelantan dan Acheh. Para pengkaji sosiologi sangat tertarik persamaan fililogi dan percakapan antara masyarakat Campa dan Acheh.

Adalah dipercayai bahawa Raja Dewi Durga, pemerintah Lamuri Acheh pun merupakan sisir galur keluaga Alawiyyah Syed Hussein al-Kubra menerusi perkahwinannya dengan puteri diraja tempatan.

Kerajaan Campa akhirnya jatuh ke tangan Viet. Maka bandar utama Melayu seperti Inderapura, Vijaya dan lain hanyalah kenangan silam yang indah. Perjuangan bangsa Melayu sering dikhianati oleh bangsanya sendiri.

Dalam sebuah batu bersurat yang dijumpai di Campa tertulis tentang perjuangan Campa serta pengkhianatan bangsa mereka sendiri terhadap perjuangan. Perhatikan ungkapan prasasti tersebut:

“Siy urang yang mavac tuy sanapa niy, asuv hitam, asuv putih, asuv mirah, asuv pak mata, avista ya nan asraya ina urang nan. Niy Sakaraja vuhan yap trih catvara asta.”

Maksudnya:

“Orang yang mencabut batu persumpahan ini, anjing hitam, anjing putih, anjing merah, anjing empat mata, akan menghantui hidup emak orang tersebut. Batu ini dibubuh pada tahun 843 Sakaraja (921 Masihi).”

Petualang yang digelar anjing dalam prasasti yang di atas wujud sepanjang sejarah Melayu. Perhatikanlah perjuangan Melaka dikhianati oleh pembesar istananya, perjuangan Raja Haji dikhianati oleh anak buahnya sendiri dan perjuangan Dato Bahaman, Tok Janggut dan Mat Kilau dikhianati oleh bangsanya sendiri yang bersekongkol dengan penjajah.

ALAM MELAYU DAN KERAJAAN UTHMANIYYAH

Rasulullah SAW pernah bersabda bahawa Constantinopole bakal dibuka oleh pemimpin yang adil yang memimpin sebaik-baik tentera. Peristiwa ini berlaku pada 25 Mei 1453 M bersamaan

20 Jamadil Awal 857 H, di bawah kepimpinan Sultan Muhammad al-Fatih, lalu menukar nama kota tersebut kepada Islambul yang dikenali kemudian sebagai Istanbul. Turki berada di bawah kepimpinan Uthmaniyyah ketika itu dianggap mencapai kemuncak kekuatan kuasa ketenteraan. Kepimpinan ini bukanlah kepimpinan bersifat kebangsaan, tetapi menjadi Negara kekhilafahan Islam yang menyambung kesinambungan kepimpinan agung Rasulullah SAW dan para sahabatnya. Payungan kerajaan Islam meliputi kawasaan yang luas termasuk Siria, Palestin, Labenon, Mesir, Iraq sehingga pengaruhnya sampai ke Alam Melayu.

Di Alam Melayu, ketika itu Melaka diperintah oleh Sultan Mansur Shah (1458 – 1477) selama 19 tahun bertepatan dengan pembukaan Istanbul oleh Sultan Muhammad al-Fatih. Melaka dan rantau pentadbirannya yang luas di Asia Tenggara mengiktiraf khalifah Uthmaniyyah sebagai pemimpin besar umat Islam keseluruhannya. Sultan Melaka menganggap dirinya sebagai wakil Uthmaniyyah di timur lalu menggelar dirinya sebagai Mansur Pasha.

Barangkali hubungan Uthmaniyyah-Melaka ketika keagungan Melaka menandakan hubungan rasmi antara kerajaan yang berpusat di Turki itu dengan Alam Melayu. Hubungan ini semakin kuat dan melebar ketika pentadbiran Sultan Sulaiman al-Qanuni berutusan surat dengan kerajaan Islam Acheh yang melibatkan hubungan diplomatik dan ketenteraan.


Nuruddin al-Raniri menceritakan menerusi *Bustan al-Salatin*, Sultan Alaudin Riayat Syah al-Qahhar mengutuskan Hussein Effendi sebagai dutanya ke Istanbul. Portugis memintas kapal duta tersebut tetapi tidak berjaya, lalu berita tentang gangguan Portugis dalam pelayaran tersebut dilaporkan kepada khalifah Uthmaniyyah. Khalifah menghantar bantuan ketenteraan kepada Acheh untuk melawan musuh tersebut. Johor dan Aru ditakluki Acheh dengan bantuan tersebut. Dalam misi tersebut, kapal Acheh memasang bendera kerajaan Uthmaniyyah dalam misi ketenteraan yang menunjukkan jalinan kedua-dua kerajaan tersebut melampaui sempadan geografi, tetapi diikat oleh kesatuan umat yang satu.²

Kejatuhan Andalusia diganti oleh Uthmaniyyah. Namun, tentera salib mempunyai dendam kesumat terhadap umat Islam walau di mana juga mereka berada. Portugis memulakan misi armada mereka ke timur, yang akhirnya melengkapkan penjajahan Melaka pada tahun 1511. Belanda menyusul kemudian pada tahun 1641 dan Inggeris mengambil kuasa armada laut kemudiannya. Perancis dan Sepanyol turut mengancam keselamatan negara umat Islam di timur tengah, Afrika dan Asia. Namun ketika pemerintahan Sultan Sulaiman Agung, penempatan Portugis di Diu India telah ditawan oleh tentera kerajaan Uthmaniyyah untuk beberapa ketika dalam misi ketenteraan pimpinan Hadim Sulaiman Pasha. Namun ketika itu Portugis telah membina kotanya di Melaka. Misi kerajaan Uthmaniyyah untuk melindungi negara umat Islam sebelah timur kemudiannya diteruskan pula oleh kerajaan Acheh khususnya ketika pemerintahan Sultan Iskandar Muda, tetapi sayang perjuangan Acheh itu sentiasa dikhianati oleh kerajaan Melayu sendiri yang menjadi tali barut Portugis dan kemudiannya turut menjadi tali barut Belanda pula. Portugis tidak mungkin bertahan lama di Melaka tanpa pertolongan yang sedemikian.

2. Saim Kayzadibi, *Ottoman Connections to the Malay World*, hal.16.

Aceh, Patani, Brunei, Jawa, Ternate, Maluku dan Sulu menjadi penghubungara Uthmaniyyah dengan umat Islam sebelah timur. Aceh dilantik menjadi negara timbangtara Uthamniyyah bagi menjaga seluruh kepeningan umat Islam di rantau jauh sebelah timur. Ulama Melayu ramai yang bermaustin di Makkah dan Madinah.

Ulama besar Alam Melayu seperti Syeikh Abdul Rauf Fansuri, Syeikh Abdul Samad Palimbang, Syeikh Daud Fatani, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, Syeikh Nawawi Bantani, Syeikh Ahmad al-Khatib al-Minangkabawi, Syeikh Ahmad al-Fatani dan rangkaian mereka menjadi symbol kegemerlapan bintang Melayu di Makkah.



Pada tahun 1750, Khilafah Uthmaniyyah melantik Syeikh Daud Abdullah al-Fatani dari Gerisik Pattani menjadi Sheykh Haji dan merupakan orang Melayu yang pertama memegang jawatan tersebut. Syeikh Ahmad al-Khatin dilantik menjadi imam di Masjid al-Haram. Syeikh Ahmad al-Fatani dilantik menjadi duta peribadi khalifah dalam urusan dengan Alam Melayu.

شيخ داود الفطاني
نام فنه: العالم العلامة العارف الرباعي شيخ وان داود بن شيخ وان عباد الله بن شيخ وان ادرس، حوك دكتون وان ستيك الفطاني.

بونداش: وان فاطمة براصل دری ملايو جهنا (جفاك) كبوجا.
كلاهيران: دكتونغ فاريتس، سوغمي كرسبيك فد 1 محروم 1183هـ.

برسنان دعن 1769م.

كمبالي كرحمه الله: فد هاري خيس 22 ربى 1263هـ. برسنان دعن 1847م
دطائق، حنادة شيخ داود رحمة الله دسادين دسيسي قبور سيلانا عباد الله بن عباس
رضي الله عنها، سقوفو بكتينا رسول الله يع تله فولع كرحمه الله فد تاهون 86هـ.




Syeikh Ahmad al-Fatani memainkan peranannya yang penting bagi pihak kerajaan Uthmaniyyah sepanjang 1890 – 1908 untuk menyatukan seluruh Alam Melayu di bawah satu pentadbiran yang berpayung kepada Uthmaniyyah. Khilafah berhasrat untuk menyelamatkan selamatkan Kelantan, Terengganu, Patani, Kemboja, Legor, dan neegri Melayu lainnya daripada naungan Siam dan Inggris.

Sultan Kelantan, Sultan Mansur, Kelantan (Tuan Long Mansor) – mendapat didikan secara tidak langsung daripada Syeikh Ahmad al-Fatani. Baginda menjadi harapan umat Islam agar Islam dilaksanakan sepenuhnya dalam pentadbiran Kelantan. Baginda merupakan seorang raja yang alim lagi berilmu. Baginda menaiki takhta pada tahun 1891 dan memerintah sehingga tahun 1899. Baginda mendapat restu daripada Syeikh Ahmad al-Fatani agar bersedia menghapai kemungkinan daripada penjajahan Inggeris. Ketika menaiki takhta, Sultan Mansur meminta agar Syeikh Ahmad al-Fatani hadir dalam majlis pertabalan serta membaca doa ketika majlis pertabalan.

Baginda melaksanakan hudud dan takzir dalam pentadbiran Kelantan. Wanita diwajibkan menutup aurat. Masjid dan surau dimakmurkan. Wakaf didirikan sepanjang jalan utama agar si musafir dapat berehat dan menunaikan solat dalam perjalanan. Pergi digali berhampiran wakaf untuk kegunaan awam. Baginda sangat perihatin terhadap rakyat. Baginda mengambil berat tentang hal ehwal pelajar Melayu yang menuntut di Makkah dan Madinah. Baginda menyediakan rumah wakaf di tanah suci untuk kegunaan pelajar Kelantan di sana. Baginda menggunakan gelaran *Sultan*, tidak seperti sebelumnya pemerintah Kelantan menggunakan gelaran *Raja*.

Selain Sultan Mansur, raja yang mempunyai hubungan yang rapat dengan Syeikh Ahmad al-Fatani ialah Sultan Zainal Abidin Terengganu, Sultan Alauddin Selangor, Raja Kelana Ali Riau, dan beberapa kesultanan Mampawah, Sulu, Berunei dan Maluku.

*Sheikh Ahmad al-Fatani*

Syeikh Ahmad al-Fatani dan murid kesayangannya Sultan Zainal Abidin III

Pemerintahan Sultan Mansor tidak lama. Baginda mangkat pada tahun 1899. Ketika itu British sedang melobi dengan Siam untuk menguasai negeri Melayu termasuk Kelantan dan Terengganu. Baginda diganti oleh Sultan Muhammad IV. Pada era pemerintahan Sultan Muhammad IV bendera Kelantan ditukar dengan memasukkan bulan dan bintang serta keruis dan tombak. Simbol bulan dan bintang tersebut menyerupai bendera Uthmaniyyah. Banyak kejayaan pada pentadbiran Sultan Muhammad IV termasuk penubuhan Majlis Ugama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Baginda diganti oleh Sultan Ismail.



Sultan Muhammad IV (1900 – 1920) dan Sultan Ismail (1920 – 1944)

Ketika pemerintahan Sultan Mansur dan Sultan Muhammad IV Kelantan menempa sejarah yang gemilang dengan kemunculan beberapa tokoh terkenal Tok Kenali, Datuk Paduka Nik Mahmud dan Muhammad bin Syeikh Muhammad Said. Mereka semuanya dididik oleh Syeikh Ahmad al-Fatani di Makkah.

Apabila terdapat pertikaian antara Syeikh Yusuf al-Nabhani dengan Syeikh Muhammad Abduh tentang beberapa persoalan agama serta hubungan Mesir dengan British, majlis agama Makkah melantik Syeikh Ahmad al-Fatani sebagai pendamainya.


Pelbagai tuduhan dilemparkan kepada Muhammad Abduh sehingga menimbulkan kekeliruan pelajar Malaysia yang sedang belajar di Masjid al-Haram. Tokoh besar Melayu di Makkah ketika itu, iaitu Syeikh Ahmad al-Fatani telah dirujuk untuk menjernihkan tuduhan tersebut, lalu tokoh tersebut menghantar wakilnya iaitu Tok Kenali untuk ke Mesir dan menyelidiki sendiri dakwaan tersebut, namun penulis ini tidak mempunyai maklumat lanjut tentang hasil kunjungan tersebut. Dalam kunjungan itu, Tok Kenali diminta oleh gurunya untuk mengaku dirinya sebagai Syeikh Ahmad al-Fatani. Peristiwa ini menunjukkan memang benarlah wujudnya tuduhan yang diberikan kepada Muhammad Abduh. Memandangkan Syeikh Ahmad al-Fatani merupakan duta peribadi Sultan Abdul Hamid di rantau timur jauh, adakah kunjungan Tok Kenali tersebut yang dilakukan oleh al-Fatani merujuk kepada permintaan Sultan sendiri? Yang pastinya, Sultan sangat risau dengan dakwaan yang sampai kepada baginda lalu menjemput Muhammad Abduh ke Istanbul untuk penjelasan lanjut. Muhammad Abduh menyatakan kesetiaannya kepada Sultan.



Syeikh Abdul Karim Amrullah, Tok Kenali dan Muhamad Muhamad Said



TENGKU MAHMUD ZUHDI AL-FATHAN
PENGARANG TAZKIYATUL ANZHAR



**Sheikh Haj Ahmad Haji
Muhamad Said**

Dua orang murid kesayangan Syeikh Ahmad al-Khatib yang berasal dari Patani yang menjadi mufti terkenal: Syeikh Tengku Mahmud Zuhdi (Selangor) dan Syeikh Ahmad Muhamad Said (Negeri Sembilan)

Dato Hj Nik Mahmud bin Nik Ismail adalah tokoh besar dalam pentadbiran Kelantan. Beliau mendapat pendidikan awal agama daripada ayahanda beliau sendiri Hj Nik Ismail Qadhi yang merupakan seorang guru agama dan rakan seperguruan Syeikh Ahmad al-Fatani. Setelah kematian ayah beliau Hj Nik Ismail Qadhi pada tahun 1898M, ibu beliau menghantar beliau ke Timur Tengah untuk melanjutkan lagi pelajaran beliau. Ibu beliau menyerahkan urusan pengajian beliau kepada Syeikh Ahmad al-Fatani. Ketika usia 33 tahun Dato Nik Mahmud dilantik menjadi Dato' Perdana Menteri Kelantan selama 38 tahun dan berkhidmat di bawah pemerintahan tiga orang Sultan, bermula dari Sultan Muhammad Ke IV, Sultan Ismail hingga ke zaman pemerintahan Sultan Ibrahim.

Antara kitab-kitab yang dikarang oleh beliau termasuklah Pati Rahsia, Tajuk Kemuliaan, Ringkasan Cetera Kelantan, Benih Agama, Kitab Pati Bahasa dan Kitab Perbendaharaan Mastika.

Penubuhan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan merupakan satu mercutanda pentadbiran Islam di Kelantan. Majlis agama iaitu Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah ditubuhkan pada tahun 1915 dan dibuka dengan rasminya oleh Sultan Kelantan, Sultan Muhammad IV. Majlis ini merupakan badan Islam yang pertama sekali ditubuhkan di Tanah Melayu yang mempunyai perlombagaannya sendiri. Pada bulan Oktober 1915, Sultan Muhammad IV telah bertitah meminta supaya dihimpunkan wang zakat untuk kegunaan membuat dan membaiki masjid-masjid dan surau-surau serta meninggikan pelajaran agama Islam di Kelantan. Berikutnya dengan titah Sultan itu, Datuk Bentara Setia, Haji Nik Mahmood bin Haji Ismail serta alim ulama negeri telah bermuafakat untuk menubuhkan sebuah Majlis Agama. Tiga orang tokoh utama yang berada di belakang penubuhannya iaitu Haji Nik Mahmud Haji Wan Ismail, Haji Muhammad Khatib dan Haji Awang Muhammad Yusuf (Tok Kenali).


Cadangan penubuhan MAIK telah dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Negeri Kelantan pada 7 Disember 1915 dan mendapat perkenan Sultan Muhammad ke IV. Lanjutan daripada itu satu majlis pemasyhuran penubuhan MAIK yang gilang gemilang telah diadakan di Kota Bharu pada 24 Disember 1915. Fungsi MAIK sejak awal penubuhannya termasuklah membina masjid, sekolah-sekolah agama, membantu fakir miskin dan menjalankan perniagaan.

Peranan yang dimainkan oleh MAIK berdasarkan fungsi-fungsi tersebut adalah bagi menjamin kelangsungan aktiviti sosioekonomi orang Melayu Islam yang merupakan penduduk majoriti di negeri Kelantan. Justeru tidak syak lagi penubuhan MAIK adalah bertepatan dengan jolokan Kelantan sebagai negeri Serambi Mekah.

Majalah *Pengasuh* menjadi sumbangan besar Majlis kepada masyarakat yang membincangkan pelbagai sejarah dan tamadun Islam. Kehadiran majalah *Pengasuh* sebagai salah satu bahan bacaan di Kelantan sejak tahun 1918 bukanlah sekadar mensasarkan pembacanya daripada golongan agama tetapi ia merupakan wadah untuk membangkitkan kesedaran seluruh bangsa Melayu untuk bangkit menjadi bangsa yang maju dan bertamadun.

Oleh kerana masyarakat Melayu pada awal kurun ke-20 masih terbelenggu dengan pelbagai kepercayaan dan amalan khurafat maka *Pengasuh* menjadi platform bagi menegur kefahaman yang membahayakan itu. Majalah *Pengasuh* memang bertuah kerana pernah mendapat sentuhan pena oleh Tok Kenali yang dilantik sebagai pengarang pertama (kehormat) majalah tersebut.

Selain Tok Kenali, tokoh terkemuka lain yang pernah menyumbangkan tulisan mereka di majalah *Pengasuh* ialah Pendeta Zaaba, Abdul Kadir Adabi dan Syeikh Tahir Jalaluddin. Skop bahan kandungan majalah *Pengasuh* adalah terbuka serta tidak hanya membicarakan persoalan fiqah dan cabang-cabang ilmu agama yang lain. Bahkan ia mencakupi aspek kesihatan dan usaha-usaha untuk meningkatkan tahap pendidikan orang Melayu termasuklah melanjutkan pelajaran ke Mesir.



Sultan Iskandar Shah Perak dikenangi kerana keperihatinannya terhadap perlumbangan pendidikan Islam di Perak. Tuanku turut dikenali sebagai seorang raja yang alim. Baginda pernah berkata kepada rakyatnya bahawa celakalah seseorang lelaki itu jika tidak menghadiri Solat Jumaat tanpa sebab. Baginda turut melantik seorang alim ulama agama Islam bernama Shaikh Muhammad Saleh yang berasal dari Minangkabau, Sumatera, untuk menjalankan kerja-kerja tabligh di Teluk Anson (sekarang dinamakan Teluk Intan). Sheikh Muhammad Saleh digelarkan Sheikhul-Islam (pangkat itu sesama dengan mufti sekarang) bagi Negeri Perak. Baginda sendiri selalu melawat dan memberi titah ucapan mengenai ajaran agama Islam kepada rakyat di seluruh Negeri Perak.

Para mufti bertanggungjawab terhadap fatwa serta perkembangan pendidikan Islam di negeri Melayu. Di Perak dan Johor, Syeikh Tahir Jaluluddin menempa nama yang tersendiri yang pernah menjawat jawatan mufti serta sebagai ulama yang mewarisi pelbagai keilmuan khususnya ilmu falak. Tokoh ini terkenal kerana mengajak umat Islam untuk meninggalkan taklid tetapi menyeru ke arah pengisian ilmu dan tamadun dan kemuliaan umat.

KEMULIAAN UMAT

Sesungguh masyarakat Melayu disanjung dan dimuliakan kerana Islam yang menjadi tunjang perjuangan mereka sepanjang zaman. Apabila Islam dipinggirkan dalam masyarakat, dan mereka mencari kemuliaan yang lain selain Islam, maka Melayu dihina Allah SWT dengan penjajahan dan penindasan. Sayyidina Umar pernah berkata bahawa "Kita ialah kaum yang dimuliakan Allah kerana Islam, dan andainya kita mencari kemuliaan selain daripada Islam, maka Allah akan menghina kita".

Hal yang sama dinyatakan oleh Jaafar ibn Abu Talib tentang Islam dan Rasulullah SAW apabila ditanya oleh Najasyi raja Habshah ketika Jaafar bersama sekumpulan umat Islam yang ditindas di bumi Makkah lalu mereka berhijrah ke negara Najasyi. Katanya, "Wahai Tuanku, kami sebelum Islam merupakan kaum jahiliah, kami menyembah berhala, memakan bangkai, melakukan keburukan, memutuskan tali silaturrahim, menyakitkan jiran, manakala yang kuat dalam kalangan kami menindas yang lemahnya. Dalam keadaan kami sedemikian, Allah mengutuskan kepada kami seorang rasul yang kami kenali ketinggian keturunannya, benar, amanah dan kemuliaannya, lalu baginda mengajak kami supaya mentauhidkan-Nya, menyembah-Nya dan meninggalkan sembahannya kami dan datuk nenek sebelum itu daripada batu yang selain-Nya, serta baginda menyuruh kami berkata benar, menunaikan amanah, menghubungan tali persaudaraan, berbuat baik kepada jiran, menegah kami daripada perkara yang haram dan menumpahkan darah, melarang kami daripada perzinaan, perkataan dusta, memakan harta anak yatim, menuduh muslimat yang mulia, serta baginda menyuruh kami menyembah Allah Yang Esa, tidak menyengutunya dengan sesuatu, menyuruh kami bersolat, berzakat dan berpuasa...".

: أيها الملك كنا قوماً أهل جاهلية نعبد الأصنام ونأكل الميتة ونأكل الميتة ونأكل الميتة ونقطع الأرحام ونسيء الجوار و يأكل القوي منا الضعيف ”

” فكنا على ذلك حتى بعث الله علينا رسوله منا نعرف نسبة وصده وأمانته وعفافه فدعانا إلى الله لنوحده ونعبده ونخلع ما كنا نحن نعبد وآباؤنا من دونه من الحجارة والأوثان وأمرنا بصدق الحديث وأداء الأمانة وصلة الرحم وحسن الجوار والكف عن المحارم والدماء ونهانا عن الفواحش وقول الزور وأكل مال اليتيم وقذف المحسنة وأمرنا أن نعبد الله وحده ولا نشرك به شيئاً وأمرنا بالصلوة والزكوة والصيام

Demikianlah tersimpulnya kemuliaan Islam yang diceritakan oleh Jaafar kepada Najasyi yang menggambarkan kemuliaan hakiki umat Islam di seluruh alam termasuk umat Melayu.

Suasana penindasan dalam masyarakat Arab jahiliah yang diungkapkan oleh Jaafar bahawa yang kuat dalam masyarakat menindas yang lemahnya manakala keburukan dan kemungkaran termasuk perzinaan menjadi amalan yang berleluasa. *Tarikh al-Fatani* turut menggambarkan peristiwa yang sama dalam masyarakat Melayu yang melakukan penipuan dalam urusniaga, menindas kaum yang lemah serta hubungan lelaki perempuan tanpa batas yang bebas untuk menduri mana-mana wanita dalam masyarakat. Akhirnya umat Melayu menerima sinar kemuliaan Islam. Saudagar Islam yang berurusniaga di pelabuhan Alam Melayu termasuk Patani dan Melaka menunjukkan kemuliaan akhlak Islam yang amanah dan benar dalam perniagaan. Hal inilah antara sebab, Islam memikat hati dan jiwa orang Melayu. Sebelum Islam, saudagar yang mengauasai urusniaga melakukan monopoli dan penindasan terhadap kaum yang lemah. Saudagar dalam konotasi Melayu lama membawa konotasi kerjaya mencari keuntungan perniagaan menerusi segala bentuk manipulasi termasuk penipuan. Lihatnya, betapa masyarakat Melayu yang menjadikan budaya penipuan dalam urusan jual beli, menyaksikan keindahan urusniaga Islam sehingga menyentuh hati dan perasaan mereka untuk memeluk Islam. Ingatlah betapa Rasulullah dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Tirmizi menyatakan bahawa "saudagar yang benar dan amanah, lagi beriman bersama para nabi, para sidiqqin dan para syuhada pada hari kiamat".

التاجر الأمين الصدق المسلم مع النبيين والصديقين والشهداء يوم القيمة" رواه الترمذى وغيره

Ketika dunia menghadapi krisis ekonomi yang berpunca daripada amalan kapitalisme yang menjadikan riba sebagai asas kewangan, Islam mengisyiharkan pengharaman riba. Riba menjadi punca penindasan yang kuat ke atas golongan yang miskin. Syarikat yang besar menopoli seluruh perniagaan lalu mengeksplotasi harga dan edaran komoditi. Islam mengharamkan eksplotasi dan penindasan tetapi menganjurkan urusniaga yang bersih, reda meredai. Di atas prinsip keadilan urusniaga ini, ekonomi Islam dibangunkan.

Islam menjunjung tinggi kemuliaan nyawa dan darah manusia manusia. Pertumpahan darah tanpa hak berlaku sewenang-wenangnya dalam masyarakat Melayu sebelum Islam sehingga dilaporkan oleh Wallace bahawa pembunuhan menjadi perkara yang lumrah dalam masyarakat Palembang misalnya. Seseorang yang membeli sebilah pedang, akan menusuk perut orang pertama yang ditemuinya untuk menguji ketajaman pedang tersebut. Ingatlah dalam khutbah haji wida, baginda Rasulullah SAW membuatkan pengisytiharan hak manusia seluruhnya di bawah sinar Islam yang murni, bahawa: "Wahai manusia, ketahuilah sesungguhnya bahawa tuhan kamu ialah tuhan yang satu, sesungguhnya bapa kamu adalah

bapa yang satu, ketahuilah bahawa tiada kelebihan orang Arab ke atas orang bukan Arab, tida kelebihan orang berkulit merah ke atas orang berkulit hitam, bukan pula orang hitam ke atas orang berkulit merah, kecuali dengan takwa.... Sesungguhnya Allah telah mengharamkan dalam kalangan kamu darah dan harta”.

Demikianlah pengisytiharan persamaan antara manusia yang menjadi keistimewaan Islam yang memberikan hak yang sama kepada semua bangsa manusia untuk membuat kebaikan. Semua manusia sama kecuali dengan kelebihan takwa. Islam mengisytiharkan bahawa manusia berasal daripada ayah yang sama, maka manusia seluruhnya bersaudara. Saudara tidak mengkhianati saudaranya yang lain. Manusia merupakan ciptaan Ilahi yang sangat mulia bukan seperti sangkaan Alfred Wallace atau Charles Darwin yang menyangka manusia berkembang daripada proses evolusi, lalu membezakan manusia kulit putih dengan kulit hitam di atas teori yang palsu itu. Dalam masjid, kulit hitam berdiri sama rata dengan si kulit putih dalam saf Jamaah yang satu. Baginda Rasulullah menyatakan Bilal yang berkulit hitam, Suhaiib yang berkulit merah dan Salman yang berkulit putih bersatu dalam jamaah yang sama bersama Rasulullah SAW, dan demikian pula sahabat yang lain. Setiap manusia berasal daripada Adam as, dan Adam berasal daripada tanah. Sesungguhnya yang terbaik dalam kalangan manusia ialah yang paling bertakwa. Sebaik-baik manusia ialah manusia yang banyak jasanya kepada umat. Inilah persamaan dan hak manusia yang diisyithar oleh Islam. Manusia bebas melakukan kebaikan tetapi tidak bebas melakukan keburukan. Prinsip inilah yang menimbulkan keharmonian dalam masyarakat umum.

Nyawa dan darah manusia terpelihara dalam Islam yang dianggap perkara asas yang menjadi hak individu. Islam menjaga agama, darah, keturunan, akal dan harta. Inilah yang diisyitharkan dalam sistem jaminan Islam yang diberikan haknya kepada setiap individu.

BALDATUN TAYYIBATUN WA RABB GHAFUR

Baldatun Tayyibatun wa Rabb Ghafur bermaksud bumi yang baik dan Tuhan yang Pengampun mengunggalkan kerajaan yang ditadbir dengan syariah Ilahi yang mendapat keampunan dan keberkatan Ilahi. Pemimpin dan rakyat harus kedua-duanya mendukung memakmurkan bumi dengan peraturan yang ditentukan Pencipta-nya. Rakyat perlulah patuh kepada pemimpin dan pemimpin wajib patut kepada hukum dan perundangan Ilahi.

Bukhari al-Jauhari menulis dalam *Taj al-Salatin* tentang syarat pemimpin haruslah bersifat amanah, memahami kehendak rakyat, tajam pemikiran, visi dan misi yang jelas, cahaya yang terang dalam kepimpinan. Raja atau pemimpin harus bersifat *hifz* yakni menjaga amanah negara, memelihara kepercayaan rakyat, menunaikan janji. Pemimpin perlulah bersifat cerdas pemikiran, kefahaman yang mendalam tentang kemimpin, visi yang jelas dan misi yang bijaksana. Wawasan pemimpin harus terkehadapan yang dipandu cahaya iman serta bertanggungjawab yang dilakukan dengan kasih sayang terhadap kepimpinannya.

Demikian pula Nuruddin al-Raniri menerusi *Bustan al-Salatin* menghuraikan tentang sifat yang perlu dimiliki oleh para pemimpin, termasuk raja, wazir, menteri, kadi dan seumpamanya. Raja perlulah beriman, mendekatkan diri kepada agama, termasuk mengikuti ajaran tariqat, dan sentiasa bersikap adil. Raja perlulah juga bersifat pemurah, berani,

bersedekah dan member hadiah kepada mereka yang berjasa kepada negara. Sifat raja yang zalim turut dihuraikan termasuk pengkhianatan terhadap rakyat jelata.

Manusia dicipta untuk menjadi khalifah yang mentadbir planet bumi. Khalifah bermaksud wakil Ilahi untuk mentadbir bumi dengan peraturan-Nya, bukan dengan sistem yang lain. Manusia yang mematuhi peraturan ini berada di atas jalan yang lurus ke arah destinasi kebahagiaan hakiki walaupun pada zahirnya, ada di antara mereka menemui pelbagai ujian yang perlit dalam perjalanan tersebut. Manusia yang mengambil sistem yang lain terdedah kepada penderitaan jiwa dan perasaan walaupun pada zahir fizikalnya berada dalam kebahagiaan sementara. Apakah wajar sistem politik bukan Islami dijadikan rujukan pentadbiran lalu meninggalkan wahyu Ilahi yang diturunkan menerusi kitab sucinya?

Kepimpinan bukanlah kemegahan atau keistimewaan tetapi amanah dan tanggungjawab. Kepimpinan bertanggungjawab mengurus hal ehwal pentadbiran dan menegakkan agama di atas muka bumi Allah. Kepimpinan ini bertanggungjawab dari dunia hingga ke akhirat. Pemimpin akan ditanya tentang kepemimpinannya di akhirat. Rakyat akan menyaksikan pemimpinannya nanti.

Memilih pemimpin sama seperti memilih imam solat. Imam perlulah orang yang terbaik dalam kalangan jamaah. Imam perlulah yang paling fasih bacaannya, paling berilmu, paling bertakwa, paling berakhlik dan paling berkebolehan memimpin saf maknumnya. Jamaah yang berada tepat di belakang imam, perlu bersedia sekiranya imam terbatil solatnya. Beliau juga bertanggungjawab memperbetulkan bacaan imam dengan kaedah syar'i andaiya imam tersilap bacaan. Imam pula perlu respons terhadap teguran tersebut dan memperbetulkan bacaan yang tersilap dan solat diteruskan. Menegur pemimpin perlulah dengan akhlak yang mulia yang berteraskan kebenaran dan pemimpin pula perlu mendengar dengan ikhlas untuk memperbetulkan kesilapannya. Pemimpin yang sedemikian perlulah ditaati dan dipatuhi sepenuhnya.

Talut dipilih menjadi pemimpin Bani Israel bagi menentang Jalut, kerana ilmu dan kekuatan fizikalnya. Nabi Musa as dipilih untuk bekerja dengan Nabi Shu'ib as kerana kekuatan dan amanahnya. Nabi Yusuf as menjaga khazanah Mesir dengan sifat amanah pentadbiran dan ilmu tentang khazanah negara. Nabi Dawud A.S. yang mentadbir Bani Israel dengan pentadbiran *Rabbani* memenuhi masa pagi dan petangnya dengan bertasbih, berzikir bersama alam semesta dengan penuh kesyukuran. Nabi Sulaiman A.S. dijadikan contoh pentadbiran kerajaan yang agung lagi bertakwa di atas muka bumi dengan pelbagai kelebihan anugerah Ilahi. Baginda sangat teliti dengan pentadbirannya sehingga menjaga seluruh kebajikan kepimpinannya termasuk kebajikan serangga melata seperti semut. Kepimpinan yang diberkati ialah kepimpinan para rasul serta mereka yang menjalani suri teladannya. Kepimpinan bukan keistimewaan tetapi amanah dan tanggungjawab. Pentadbiran tidak boleh dipisahkan daripada iman dan akhlak dalam konteks pemimpinan *Baldatun Tayyibatun wa Rabb Ghafur*.

Kepimpinan bukan objek rebutan. Kepimpinan dipilih dalam kalangan yang tebaik dari segi ilmu, takwa dan ciri asas kepimpinan. Kepimpinan bukan untuk dimohon atau mencalonkan diri sendiri untuk jawatan tersebut. Seseorang yang memohon kepimpinan dengan sendirinya menunjukkan kecacatan ciri kepimpinan. Namun, apabila seseorang dilantik

dengan satu jawatan kepimpinan, perlulah ia memikul jawatan tersebut dengan penuh amanah dan berusaha sedaya upaya melaksanakan kepimpinannya sehingga ada orang yang mengambil-alih tugasnya. Adakah seseorang pemimpin dalam kualiti ini tidak bergembira sekiranya ada orang lain yang segera mengambil-alih tugas beratnya itu, kecuali tidak terdapat pengganti yang layak?

Abu Zar pernah memohon jawatan tetapi permohonannya ditolak dengan alasan beliau lemah dalam konteks kepimpinan walaupun beliau seorang yang gagah perkasa dalam soal ibadat dan kezuhudan. Apabila Khalid Ibnu Walid diperintahkan oleh Saidina Umar meninggalkan jawatan panglima perang untuk digantikan oleh panglima perang yang lain, beliau tidak sedikit pun membantah atau pun berasa kecewa, malah menyerahkan pimpinan perang kepada penggantinya yang ditunjuk oleh khalifah. Kepimpinan adalah beban, dan sekiranya beban tersebut diberikan kepada orang lain, maka alangkah bebasnya diri daripada bebanan amanah dan tanggungjawab yang berat itu.

Pemimpin yang adil, rakyat yang amanah serta negara yang makmur dengan nikmat kurniaan Ilahi menjadi ramuan ke arah kesejahteraan ummah. Negara ialah komponen yang menaungi negeri, masyarakat dan keluarga. Keluarga merupakan unit asas dalam sesuatu masyarakat, manakala seseorang ayah menjadi ketua keluarga masing-masing yang memimpin bahtera keluarganya. Keharmonian setiap keluarga membentuk keharmonian sebuah masyarakat.

Isteri yang solehah, anak yang menjadi penghibur hati dan perasaan, keluarga yang penyayang, sumber rezeki yang halal, tempat tinggal yang lapang, jiran yang mulia, persekitaran yang nyaman, sahabat yang ikhlas serta pemimpin yang berhikmah menjadi sebahagian daripada parameter 'Negara yang baik yang direhái Tuhan Yang Maha Pengampun'.

Negara yang sejahtera berkait rapat dengan sistem pendidikan yang *Rabbani*. Sesungguhnya fungsi ilmu ialah untuk mencari kebenaran. Matlamat pendidikan *Rabbani* berakhir dengan kalimah Ilahi, pengiktirafan keagungan-Nya, pelaksanaan ibadat dengan hati yang tulus serta mempamerkan ilmu yang dimiliki dalam pekerti dan akhlak yang mulia. Ilmu perlu dipelajari secara ikhlas. Seseorang yang keluar dari rumahnya mencari jalan ilmu, nescaya Allah mempermudahkan jalannya ke syurga. Syurga ialah tempat kembali yang penuh kebahagiaan hakiki. Ilmu yang dipelajari di atas landasan ini membawa ilmuwan tersebut melihat sinar kebahagiaan dalam kehidupan hariannya.

Ilmu yang dituntut dalam acuan *Rabbani* diwarisi generasi demi generasi. Ilmu mereka disalin dan disebar secara ikhlas. Tidak ada larangan dalam penyebaran tersebut, bahkan digalakkan. Pengarangnya mendapat keberkatan dan kebahagian abadi menerusi aktiviti penyebaran ilmu, walaupun mereka telah meninggal dunia ribuan tahun yang lalu. Mereka tidak meninggalkan harta tetapi ilmu yang berterusan. Namun, dalam dunia penulisan moden, adakah penulisan ilmu turut dilakukan di atas dasar ini, apabila sijil hakcipta diperkenalkan, salinan fotostat dilarang, bahkan buku diterbitkan dalam banyak hal, sebagai komoditi perniagaan? Ada penulis pula yang menulis dengan pertimbangan honorarium bermain di fikirannya sejak ayat pertama ditulisnya lagi? Ramai penulis moden yang kaya-raya dengan

hasil penulisannya. Akan tetapi, adakah penulis seperti Imam al-Syafi'i, al-Ghazali, dan al-Nawawi mendapat habuan yang serupa dalam penulisan mereka? Kitab ulama silam ditulis penuh keikhlasan di atas model *Rabbani*, lalu diwarisi menerusi kemantapan ilmu tersebut, generasi demi generasi sepanjang zaman sebagai amalan yang mendapat pertimbangan akhirat yang kekal abadi.

Negara yang sejahtera berkait rapat dengan sistem ekonomi yang adil. Riba diharamkan dalam Islam serangkai dengan arak, judi dan tenungan nasib. Ingatlah sekali lagi, riba diisyiharkan perang oleh Allah S.W.T. dan Rasul-Nya. Riba menjadi punca masyakarat menderita. Bayangkanlah betapa kad kredit yang perkenalkan oleh badan kewangan berteraskan riba mengikat penggunaanya dengan kenaikan faedah yang mendadak andainya tidak dijelaskan segera. Sesiapa yang tenggelam dalam sistem 'wang plastik puaka' tersebut, terjeratlah ia dalam penderitaan ciptaan sendiri.

Makanan yang haram seperti makanan yang bersumberkan riba atau yang lainnya, mengotorkan jiwa. Jiwa yang kotor melahirkan perbuatan yang kotor. "Setiap daging yang tumbuh dari harta yang haram, maka api neraka lebih utama untuknya." Demikian menurut hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi. Persoalan akhlak masyarakat ini banyak berpunca daripada persoalan yang berpunca daripada harta yang haram. Walaupun secara saintifik, makanan yang dibeli dengan wang halal atau haram tidak dapat dibezakan secara kajian empirikal, namun Islam dibina secara syumul yang melibatkan kedua-dua persoalan fizikal dan jiwa. Makanan seseorang berkait rapat dengan jiwa. Untuk menyelesaikan masalah rasuah negara misalnya, atau pun masalah dadah yang kronik, selesaikan terlebih dahulu masalah riba dan makanan haram yang disuap oleh setiap keluarga yang bersumberkan sumber yang haram.

Rasuah, melakukan penipuan, penyalahgunaan kuasa, pecah amanah dan seumpamanya yang melibatkan harta, maka kesemuanya berakhir dengan darah dan daging yang mempunyai kesan kejiwaan yang buruk andainya harta tersebut digunakan untuk membeli makanan. Jiwa keluarga yang dibesarkan dengan harta yang haram, sukar untuk melihat cahaya kebenaran. Hati yang sepatutnya disucikan dengan amalan yang baik dikotori dengan makanan yang haram, lalu menyebabkan hati itu beransur-ansur menjadi keras. Hati yang keras sukar menerima kebenaran tetapi cenderung kepada kemaksiatan. Maksiat membawa kepada penderitaan lahir dan batin.

Pendapatan yang tidak bersih yang bercampur dengan pendapatan lain yang bersih maka hasilnya tidak bersih sebagaimana kaedah usul fiqh menyatakan bahawa "Apabila bercampur halal dan haram, maka mananglah yang haram". Dalam suatu hadith yang lain menyatakan "Apabila seseorang membeli sehelai pakaian dengan harga sepuluh dirham dengan satu dirham daripada wang tersebut haram, maka Alah S.W.T. tidak menerima solat selagi ia memakai pakaian tersebut" (Riwayat Imam Ahmad). Adakah rumah yang kita beli dipastikan daripada sumber yang halal sepenuhnya? Kenderaan yang dibeli dipastikan daripada sumber yang halal? Adakah keperluan harian yang lain dibeli dengan sumber yang halal sepenuhnya? Adakah pendapatan yang sedemikian menjadi rezeki yang membawa kebahagiaan?

Dalam harta orang kaya, ada hak orang miskin. Zakat yang menjadi kewajiban setiap Muslim yang berkelayakan, menjadi amanah yang harus ditunaikan sama seperti kefarduan solat. Harta yang tidak dikeluarkan zakat, merupakan harta yang bercampur aduk status kemurniannya. Andainya jiwa kita menderita dengan kehidupan sehari-hari, silalah semak kemungkinan keresahan ini timbul akibat daripada status harta yang kita miliki.

Alangkah ajaibnya, bahawa zakat yang dikeluarkan setiap tahun tidak mengurangkan harta, bahkan menambahkan harta berlipat kali ganda. Ranting rambutan yang dipangkas tidak mengurangkan buahnya. Tahun depan, tunas yang segar muncul selepas pangkas tersebut, lalu mengeluarkan buah berlipat kali ganda berbanding pohon yang tidak dipangkas ketika mengambil buahnya pada tahun yang lalu. Demikianlah halnya zakat!

Adakah sistem ekonomi yang dipilih selain sistem ekonomi Islam, termasuk sistem ekonomi kapitalisme, sosialisme, pragmatism, liberalism dan sekutunya menimbulkan negara yang diberkati dari segi amalan ekonominya? Apakah masih ada sistem ekonomi yang lebih baik daripada sistem yang ditentukan oleh muamalat Islamiyyah?

Kita menyaksikan gelombang kepincangan ekonomi dunia yang berteraskan kapitalisme yang melakukan monopoli urusniaga dengan keuntungan sebagai matlamat utama urusniaga lalu mengeksploitasi segala parameter ekonomi yang ada dalam amalan urusniaga moden. Sistem perbankan, perniagaan matawang, saham, bon, sekuriti, sistem insurans dan sebagainya yang dilaksanakan di luar batasan ekonomi yang saksama, seperti yang dibenarkan dalam sistem ekonomi Islam, menimbulkan kepincangan ekonomi dunia yang ketara dengan aliran harta yang tidak seimbang antara golongan miskin dan kaya. Adakah suasana ini menimbulkan indeks kebahagiaan yang diharapkan dalam kehidupan bermasyarakat? Apakah urusniaga yang dijalankan dalam masyarakat dijalankan dengan persefahaman yang reda meredai? Atau ada manipulasi dari sesuatu pihak yang berurusniaga?

Ekonomi dan kekayaan semata-mata tidak dapat mengikat perpaduan antara ahli komuniti, kerana pembahagian kekayaan negara yang tidak seimbang tidak membawa kebahagiaan, bahkan membawa perasaan tidak puas hati dalam kalangan rakyat, yang akhirnya menimbulkan konflik dalam masyarakat. Pada mulanya kelihan ekonomi yang baik boleh menimbulkan perpaduan apabila kek ekonomi negara dibahagi secara adil. Namun apabila kek sudah habis, perpaduan yang didasarkan kepada ekonomi pun tergugat, bahkan kepincangan ekonomi menimbulkan keresahan antara kaum. Negara yang menjadikan indeks ekonomi semata-mata sebagai parameter perpaduan agar memberikan kebahagiaan kepada rakyatnya akan gagal dalam perlaksanaannya. Akibatnya akan lebih malang, andainya pembahagian kek tidak dijalankan secara adil sejak dari mula.

Keimanan yang mantap menjadi tuggak perpaduan masyarakat. Hanya iman yang mampu mengikat hati manusia ke arah persaudaraan hakiki. Perbezaan warna kulit, darah keturunan atau status kebangsawanahan hanya dapat dihapus menerusi kesempurnaan iman. Malcom X ketika mengunjungi Makkah kaget dengan status persamaan antara manusia kulit hitam, merah, kuning atau putih ketika tawaf atau waktu berdiri menghadap llahi ketika solat. Tiada sebarang perbezaan antara raja dan rakyat atau hamba sahaya. Di hadapan llahi manusia

adalah sama kecuali ketakwaan yang ditunjangi keimanan. Adakah di luar sana masih ada parameter yang dapat mengikat perpaduan selain parameter ini?

Sistem sosial yang sejahtera turut menjadi rencah negara yang sejahtera. Sistem sosial yang sejahtera bukanlah terhasil secara tanpa dirancang, bahkan pemerintah perlu merancang dengan teliti kewujudan sebuah masyarakat sedemikian. Apakah ada toleransi di luar Islam berdasarkan sejarah yang dicatatkan umat manusia. Sejarah menyaksikan bahawa toleransi dalam peperangan misalnya hanya dipaparkan oleh penglima di bawah panji wahyu llahi. Lihatlah bagaimana toleransinya Tariq bin Ziad ketika membuka Sepanyol atau Salahuddin ketika mula membuka al-Quds. Peperangan bukan untuk kemusnahan tetapi amanah untuk meletakkan kalimah Allah S.W.T. Pengusa Langit dan Bumi sebagai kalimah yang berdaulat. Dalam peperangan yang berlaku bersama Rasulullah S.A.W., lihatlah para tawanan dilayan dengan penuh keadilan. Kadang-kadang para tawanan diberi makanan lebih dahulu daripada tentera Islam sendiri seperti yang berlaku dalam tawanan Perang Badar. Bacalah sirah pembukaan Makkah yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. yang berlaku penuh toleransi yang menyebabkan seluruh penduduk kota Makkah tersentuh dengan peristiwa tersebut lalu memeluk Islam secara beramai-ramai termasuk pemimpin mereka Abu Sufian. Sikap toleransi dan pemaaf Rasulullah S.A.W. tersebut tidak mampu dijelaskan kembali oleh pemimpin lain, kecuali oleh pemimpin yang menjalani sirah agung baginda S.A.W.. Lihatlah sikap lemah lembut baginda S.A.W. dalam peristiwa ini dan bandingkanlah dengan peristiwa Rasulullah S.A.W. dan para sahabatnya yang dikejar keluar dari Makkah dengan mata pedang dalam peristiwa hijrah yang berlaku beberapa tahun sebelumnya. Keburukan dibalas dengan kebaikan oleh Islam. Sejarah menyaksikan perpaduan sejati berlaku di kota Madinah yang menjadi model perpaduan pertama dalam sejarah umat Islam.

Bandingkan pula sikap Ferdinand dan Isabella terhadap Islam ketika kejatuhan Cordova pada lewat kurun ke-15. Jutaan umat Islam disembelih di pantai Sepanyol sehingga umat Islam hampir kepupusan di bumi tersebut ketika itu. Isabella bersumpah tidak akan mandi buat selama-lamanya sebelum misinya selesai. Umat Islam dibunuhi atau dipaksa memeluk agama rajanya. Lihatlah wajah orang Sepanyol hari ini, anda pasti masih dapat menyaksikan wajah kearabannya walaupun mereka bukan Muslim lagi. Tiada toleransi sama sekali dalam sejarah kejatuhan Cordova tersebut.

Sejarah yang sama berlaku pada zaman moden hari ini. Lihatlah betapa kejamnya umat Islam Bosnia dibunuhi oleh Serbia atau umat Islam Xinjian yang mengalami nasib yang hampir sama pada zaman moden ini. Umat Islam Gaza menerima ancaman udara dari Yahudi sepanjang sejarah perjuangan mereka. Umat Islam Myanmar menjadi pelarian di bumi sendiri manakala umat Islam Mindanao tidak menerima nasib yang lebih baik berbanding saudara mereka yang tertindas. Para pembaca yang budiman bolehlah undur ke belakang melihat sejarah toleransi umat manusia silam untuk menambahkan data ini. Masjid dan menara masjid dihadkan pembinaannya di sebahagian benua Eropah sedangkan umat Islam mengamalkan toleransi penuh disiplin terhadap rumah ibadat penganut ajaran lain.

Adakah perpaduan hakiki mungkin direalisasikan di luar daerah iman dalam dunia hari ini?

Kebahagiaan tidak mungkin dinikmati bersama andainya konsep amal makruf nahi mungkar tidak diamalkan dalam sesuatu masyarakat.

Alam sekitar yang bersih memberikan suasana kehidupan yang ceria. Air, udara dan suasana yang nyaman daripada gangguan bising perlu dijaga kerana gangguan aspek ini boleh menyebabkan kesihatan fizikal dan mental terganggu. Wibawa pemerintah harus memastikan pembangunan negara yang sedang giat berkembang tidak boleh mengorbankan suasana yang nyaman tersebut tergugat. Hasil bumi yang digali, khazanah hutan yang dikeluarkan, hasil laut yang diusahakan, dan sungai tempat nelayan mencari rezeki perlu dikawal dengan penuh etika. Sebarang pembangunan fizikal harus mengambil kira kelestarian yang mesra alam sekitar agar keharmonian alam yang dinikmati terpelihara.

Kilang yang mengeluarkan asap yang berlebihan menyesakkan nafas penduduk yang berhampiran. Gas yang tidak terkawal boleh merosakkan lapisan ozon. Andainya perkara ini berlaku, maka fenomena pemanasan global yang menjadi isu alam sekitar kini, tidak dapat dikawal lagi. Pengusaha yang rakus akan merembeskan semua jenis asap, toksik dan bahan kimia sama ada ke udara, sungai atau daratan. Hal ini berkait pula dengan dasar kerajaan tentang taraf dan status perkilangan yang melibatkan pencemaran alam sekitar dalam sesebuah negara.

Adakah benar pembinaan kilang yang mengeluarkan bahan toksik, radioaktif, serta bahan kimia yang berbahaya menjadi sebahagian daripada pemindahan teknologi? Atau hakikatnya, pemindahan tersebut tersirat di sebaliknya merupakan pemindahan pencemaran, kerana negara maju yang cerdik tidak sanggup untuk mencemarkan bumi mereka sendiri? Apakah kilang racun, mercun, baja, pemusnah serangga dan seumpamanya merupakan pemindahan teknologi atau pemindahan pencemaran dari negara pengeluar kepada negara transit kegiatan perkilangan mereka?

Keperluan asas penduduk seperti air, elektrik, hospital, padang rekreasi dan seumpamanya tidak boleh diswastakan. Kerajaan yang menjaga amanah rakyat harus menjaga kepentingan tersebut sebagai khidmat jaminan sosial yang adil kerana andainya diswastakan maka bukan perkhidmatan yang menjadi asas pertimbangan mereka tetapi keuntungan semata-mata. Berbahagialah penduduk yang diberikan perlindungan secara amanah oleh kerajaan secara terus tentang persoalan asas keperluan utiliti asas kehidupan tersebut.

Hospital swasta boleh wujud sebagai alternatif, namun hospital awam harus diberikan secara percuma oleh kerajaan untuk setiap individu yang berada dalam negara tersebut. Bahkan hospital awam harus memberikan khidmat percuma kepada pendatang haram, penjenayah atau pelancong asing. Wang rakyat yang dipungut menerusi pelbagai cukai serta hasil mahsul negara yang diamanahkan kepada pemerintah harus dikembalikan semula kepada rakyat khususnya keperluan asas mansua termasuk kesihatan dan air minuman.

ISLAM YANG HANIF: BUKAN TIMUR BUKAN BARAT

Dalam surah *al-Nur*, Allah SWT membuat bandingan hidayat Ilahi dengan cahaya yang terhasil daripada minyak zaitun yang terkena sentuhan api. Pohon zaitun pula merupakan pohon yang penuh berkat, ditakdirkan Ilahi, tumbuh subur di kawasan pertengahan iklim atau Mediterranean: tidak di timur atau di barat. Kawasan ini pula ialah kawasan para anbia yang penuh dengan sejarah perjuangan dan cabaran. Ataupun pohon zaintun yang dimaksudkan terdedah kepada cahaya matahari sepenuhnya, tidak terlindung sinaran cahaya sepanjang musim, berjaya menghasilkan minyaknya yang bermutu tinggi. Zaitun mempunyai banyak faedah termasuk menjadi sumber cahaya, menjadi bahan makanan dan pencelup, bahkan asapnya pun boleh dijadikan dakwat penulisan atau pewarna sutera.

Tiada sistem yang terbaik yang menunjang kehidupan umat Islam kecuali sistem Ilahi yang diturunkan menerusi para rasul. Rasul dan kitab yang diturunkan bersamanya merupakan cahaya yang terang benderang yang menerangi setiap rongga dada mereka yang mendapat hidayatnya. Tiada sebarang sistem yang dicipta di barat atau pun sistem yang dicipta di timur yang dapat menandingi sistem Ilahi.

Nur Ilahi menerangi langit dan bumi. Cahaya Ilahi merupakan simbol hidayat yang menerangi kalbu mukmin. Hidayat yang gemilang menyinari kalbu yang diibarat seperti kaca bersih yang menerima cahaya tersebut untuk menerangi ruangan sekelilingnya. Kalbu yang bersih ibarat kaca yang bersih tanpa sebarang kekotoran yang menghalang sinarannya ke serata arah. Itulah hati manusia yang beriman. Itulah hati yang harus dimiliki oleh setiap manusia yang beriman, Melayu baru atau Melayu lama atau bangsa yang lainnya.

Sejarah umat Melayu yang digambarkan oleh pelbagai sejarah silam menggambarkan bangsa Melayu bangsa yang mempunyai pelbagai sifat baik dan buruknya. Sifat indah bangsa Melayu seperti lemah lembut, berbuti pekerti dan menghormati tamtu tidak banyak tertonjol dalam sejarah silam. Namun, sejarah yang diwarnai oleh bangsa Melayu silam, khususnya sebelum sinar Islam menyinari alamnya, penuh dengan episod sengketa, perseteruan, dendam, ganas dan zalim. Perhatikan sejarah Patani, sejarah Palembang, sejarah Campa, sejarah Jawa yang dipaparkan sebelum ini penuh dengan unsur tersebut. Pengkhianat yang muncul dalam tengah-tengah masyarakat yang berpaktat dengan penjajah, menggunting dalam lipatan sejarah silam. Kerajaan Melayu ada yang menyokong Portugis untuk menentang kerajaan Islam Aceh yang mengisyitiharkan jihad ke atas penjajah. Kerajaan Melayu ada yang menyokong Belanda pula apabila jihat dilancarkan oleh kerajaan Islam yang disokong Uthmaniyyah. Ada kerajaan Melayu berpaktat dengan Sepanyol apabila berperang dengan raja Islam di Philipina. Pengkhianatan sentiasa ada dalam kerajaan Melayu yang silam.

Perjuangan Raja Haji al-Syahid yang dipaparkan sebelum ini dikhianati oleh bangsanya sendiri yang membantu Belanda menghadapi pejuang Islam yang tulen. Raja Haji menggelarkan mereka munafik Melayu yang hilang harga diri kerana mencari sedikit habuan

keduniaan. Sifat seperti ini sentiasa ada dalam masyarakat Melayu sepanjang zaman.

Perpaduan yang dipadankan dengan semata-mata perjuangan kaum, ekonomi dan politik tidak dapat mungkin berjaya. Perpaduan merupakan ikatan hati yangikhlas, bebas kedengkian, prejudis, penindasan dan ketidak-adilan. Manusia tidak dapat mengikat hati manusia. Akan tetapi Allah SWT mengikat hati antara hati manusia di bawah sinaran Islam yang hanif.

Perjuangan masyarakat Melayu akan datang haruslah ke arah membentuk jiwa beriman, ikhlas dan bertanggungjawab. Setiap umat ada peranan masing-masing. Setiap pelajar dan ilmuwan ada peranan yang harus dilakukan. Perjuangan ini tiada penghujungnya. Kejayaan bukan urusan kita tetapi ditentukan oleh Allah SWT. Tugas umat ialah perjuangan dan tekal dalam kapasiti masing-masing. Setiap unit dalam kesatuan umat harus menjadi peguam bela dalam bidang masing-masing: membela kebenaran, menolak kebatilan. Perlihatkan keindahan cahaya Ilahi yang memancar sinar dalam setiap cabang syariatnya. Bangsa Melayu telah menunjukkan bahawa sepanjang perjalanannya sejarahnya, bahawa kegemilangan umat berlaku apabila syariat Ilahi menjadi sendi dalam kehidupan masyarakat. Nilai adat budaya yang murni menjadi timbangtara pergaulan harian, selagi budaya tersebut masih selari dengan cahaya yang melimpah daripada sistem Ilahi. Itulah pengajaran sejarah sepanjang zaman.

Cacatan: Makalah di atas dipetik daripada dua buah Pengarang yang bertajuk *Malayonesia: Kerdipan Bintang Melayu di Langit Melayudan Kerdipan Bintang Melayu di Langit Turki*



Biodata Personal

Nama : Mat Rofa Ismail, Prof Madya
Tarikh Lahir : 12 Nov 1956
Alamat : Jabatan Matematik, Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM Serdang, Selangor
Tel. No : 03-89466851 (Pejabat)
Tel No : 017-3460535 (Bimbit)
Emel : mrofa@upm.edu.my

KELULUSAN AKADEMIK

1979- SmSn (Kep) (UKM)
1982- MSc (Wales)
1993 – PhD (Malaya)

KERJAYA BRIEF

Pensyarah , UPM (1982 - kini)
Ketua Laboratori f Laboratori Etnomatematik dan
Institut Penyelidikan Matematik, UPM (Apri 2011 – 2014)

BIDANG

Falsafah dan Sejarah Sains Metematik, Sains Islam

ANUGERAH

2015 Anugerah Khas Pengarah INSPEM
2014 Anugerah Karya Ilmiah Negara
2014 Anugerah Buku Negara
2014 Anugerah Hadiah Utama Karya Ilmiah PERSAMA
2014 Anugerah Tokoh INSPEM 2014
2013 Anugerah Hadiah Utama Karya Ilmiah PERSAMA
2012 Anugerah Felo Persatuan Sains Matematik Malaysia PERSAMA
2009 Anugerah Tokoh INSPEM
2008 Anugerah Media Islam Negara, Jakim-RTM
2007 Anugerah Penulisan Ilmiah Persatuan Sains Matematik Malaysia
dan Penerbit Universiti Tempatan
2007 Anugerah Sumbangsih Majlis Buku Negara
2006 Anugerah Adi Pengajar, UPM
1997 Anugerah Utama Karya Asli Negara

BUKU

- Mantik, Matematik dan Budaya Ilmu, **UM** (1994)
- Sejarah Aritmetik dan Aljabar Islam, **UPM**, (1995)
- Mantik dalam Pemikiran Tamadun Manusia **DBP** (1997)
- *Introductory Real Analysis*, **OUM**, (2001)
- Matematik Merentas Tamadun, **DBP** (2004)
- Falsafah Sains: Pendekatan Kualitatif, **DBP** (2006)
- Rampaiyan Etnomatematik, **UPM** (2012)
- Etnosains dan Etnomatematik (editor) **UM**, (2013).
- Ulul-Albab dan Alam Semesta, **Mustread** (2014)
- Mantik dan Etnomantik, **DBP** (2014)
- Kerdipan Bintang Melayu di Langit Turki, **Bestari** (2015)
- *Alam al-Hussab al-Khatib: Analisis Teks Klasik DBP* (in print)
- Malayonesia: Kerdipan Bintang Melayu di Langit Melayu **Bestari** (2016)